

CNE5603

R/GB 19-08 00210 BU550

REPEAT

MALAYSIA, THAILAND SETUJU GALAKKAN KONSEP SEGITIGA
Daripada Syed Jamil Jaafar

1

BANGKOK, 19 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya Chuan Leekpai bersetuju bahawa konsep pertumbuhan segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand harus diteruskan secara secara bersungguh-sungguh untuk dijadikan model kerjasama di kalangan negara-negara jiran.

Kedua-dua Perdana Menteri menyatakan rasa puashati mereka dengan usaha jawatankuasa pertumbuhan segitiga yang bertemu buat pertama kali di langkawi baru-baru ini ke arah pelaksanaan konsep itu.

Galakan konsep pertumbuhan segitiga itu adalah satu daripada topik utama yang dibincangkan oleh kedua-dua pemimpin itu dalam perbincangan empat mata di rumah kerajaan di sini hari ini.

Perbincangan itu diadakan sebaik selepas majlis sambutan rasmi diberikan kepada Dr Mahathir yang tiba di sini pagi ini untuk lawatan rasmi empat hari.

Perbincangan itu diikuti dengan sidang pleno yang dihadiri oleh delegasi rasmi kedua-dua negara diketuai oleh Perdana Menteri masing-masing.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi memberitahu pemberita isu lain yang dibangkitkan termasuk proses pembatasan sempadan bersama, kerjasama dalam bidang sains dan teknologi, pendidikan dan pengangkutan, Perundingan Ekonomi Asia Timur, keadaan di Kemboja dan masalah Bosnia-Herzegovina.

Katanya kedua-dua Perdana Menteri gembira dengan hubungan baik antara kedua-dua negara. -- Bernama

SJ AZG RON

▼19/08/20-45MSU

U GB 19-08 00118 UC908

bah

Mahathir-Thailand 2/Bangkok

Abdullah berkata kedua-dua pemimpin mengakui terdapat sedikit masalah dalam penandaan sempadan tetapi ia sedang diatasi di peringkat rasmi.

Kedua-dua pemimpin bersetuju bahawa kerjasama antara kedua-dua negara perlu diperluaskan untuk meliputi bidang baru terutama dalam sektor swasta.

Dr Mahathir menimbulkan kemungkinan pekerja Thai di Malaysia diberikan sijil pengenalan diri supaya pekerjaan mereka boleh diselaraskan dan dilanjutkan untuk tempoh tertentu kerana sebahagian mereka terabit dalam projek jangka panjang.

Mengenai persoalan hak menangkap ikan, kedua-dua pemimpin bersetuju bahawa perundingan perlu diteruskan ke arah mencari penyelesaian.

Bot-bot Thai seringkali ditahan kerana mencerobohi perairan Malaysia dan perkara ini telah menimbulkan perselisihan dalam hubungan dua hala kedua-dua negara. -- lagi

▼19/08/20-05MSU

U GB 19-08 00139 UC909

bah

Mahathir-Thailand 3/Bangkok

Thailand pula telah melahirkan minat untuk mengadakan usahasama perikanan dengan Malaysia.

Perkara dua hala yang lain yang dibincangkan termasuk meningkatkan frekuensi penerbangan untuk menggalakkan pelancongan dan kerjasama dalam industri membuat komponen automatik.

Dr Mahathir juga menjelaskan kepada Chuan bahawa hasrat Malaysia untuk membeli pesawat pejuang MIG dan Hornet, masing-masing dari Russia dan Amerika Syarikat, tidak bererti ia berhasrat memasuki perlumbaan senjata.

Beliau memberitahu pemimpin Thai itu bahawa Malaysia hanya sekadar menggantikan pesawat pejuang yang lama dengan pesawat baru memandangkan ekonominya sedang berkembang pesat dan negara ini kini mampu memperlengkapkan lagi angkatan tenteranya.

Dr Mahathir, yang baru-baru ini melawat China, juga memberitahu Chuan bahawa tindakan China untuk memperlengkapkan lagi angkatan tenteranya juga merupakan sebahagian daripada prosés itu kerana negara itu kini mampu berbuat demikian. -- lagi

▼19/08/20-16MSU

CNS5584

U GB 19-08 00084 BC910

bah

Mahathir-Thailand 4 Bangkok

Dr Mahathir berkata tindakan China itu tidak patut menimbulkan kebimbangan.

Ketika Singapura membeli pesawat sofisticated, Malaysia juga tidak menimbulkan bantahan.

Kedua-dua pemimpin juga mengambil perhatian perkembangan berhubung Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang akan dirunding dan digerakkan oleh Menteri-menteri Ekonomi Asean.

Abdullah berkata Dr Mahathir gembira kerana Thailand menyokong pendirian Malaysia mengenai keadaan di Bosnia.

"Ini menunjukkan bahawa masalah Bosnia tidak hanya membimbangkan negara-negara Islam seperti Malaysia," katanya. -- lagi

▼19/08/20-23MST

CNS5592

U GB 19-08 00112 BC912

bah

(ulangan dengan tambahan fakta)

Mahathir-Thailand 5 (Akhir) Bangkok

Kedua-dua Perdana Menteri juga membincangkan kedudukan Myanmar dan bersetuju bahawa usaha-usaha perlu diteruskan untuk menjalin hubungan dengan negara itu.

Mereka mengambil perhatian bahawa Myanmar kini lebih sensitif kepada kritikan antarabangsa.

Dr Mahathir mempunyai jadual yang sibuk pada hari pertama lawatannya hari ini.

Pada tengah hari ini, beliau menghadiri taklimat mengenai kemajuan ekonomi Thailand di Lembaga Pembangunan Ekonomi dan Sosial Kebangsaan (NESDB).

Selepas itu, beliau menghadap Raja Bhumibol di Chitralada Villa.

Pada malam ini, beliau diraikan pada jamuan malam rasmi oleh Chuan di Rumah Kerajaan. -- Bernama

SJ AKD